

**10/01/2017 - Amanat KSN 2017 Sempena Majlis Penganugerahan Surat Kenaikan Pangkat  
Pegawai Pengurusan dan Profesional Serta Kumpulan Pelaksana**

*Bismillahir rahmanir rahim*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.*

Yang dihormati saudara/saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Dr. Rose Lena bt Lazemi

Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Yang Berbahagia Dato' Mohtar Mohd Abd Rahman

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

Yang Berbahagia Dato' Sabariah Hassan

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)

Yang Berbahagia Dato' Zulkipli b. Ramli

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Yatimah binti Sarjiman

Ketua Pengarah

Jabatan Pembangunan Wanita

Dan seterusnya kepada saudara-saudari yang diraikan pada hari ini.

## PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, kita masih dapat bertemu pada tahun 2017 yang telah menyinsing menyambut kita.

2. Urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat pada hari ini melibatkan seramai 193 orang dengan kehadiran 157 orang pegawai peringkat JUSA, Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana di pelbagai kementerian. Syabas dan tahniah. Ini merupakan pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan atas khidmat bakti, prestasi serta komitmen saudara-saudari dalam memacu kecemerlangan Perkhidmatan Awam. Dengan kenaikan pangkat atau pemangkuan yang saudara saudari terima pada hari ini bermakna amanah dan tanggungjawab yang lebih tinggi dan berat akan tergalas di bahu saudara saudari. Besarlah harapan saya agar tanggungjawab ini dapat dilaksanakan dengan penuh amanah untuk memastikan kecemerlangan Perkhidmatan Awam dan Negara.

3. Sesungguhnya negara kita telah berhadapan dengan beberapa cabaran pada tahun 2016. Harga minyak mentah dunia yang kini berada di paras USD54 setong boleh dikatakan berada pada paras norma harga minyak mentah dunia yang baru. Pada keadaan semasa, paras tukaran mata wang Malaysia yang tidak menentu dipengaruhi oleh aktiviti-aktiviti spekulasi, peningkatan kadar faedah US Federal Reserve serta harga minyak mentah dunia yang rendah. Kita yakin bahawa keadaan ini hanya sementara berikutan mesyuarat OPEC baru-baru ini yang mana harga minyak dunia dijangka meningkat.

4. Daripada segi kedudukan daya saing negara, negara kita berhadapan dengan saingan sengit ekonomi-ekonomi lain yang mempamerkan prestasi lebih cemerlang pada tahun lepas. Ini tidak bermaksud negara kita tidak berdaya saing atau usaha tidak dilakukan untuk mempertingkatkan faktor daya saing negara. Apa yang kita lihat sebaliknya,

adalah kedudukan lanskap ekonomi dunia yang berubah bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi masyarakat yang meningkat.

5. Semua yang dikatakan tadi, membawa kepada kesimpulan bahawa kita perlu **berubah**. Kita perlu sentiasa menambahbaik, perlu meningkatkan produktiviti dan tidak boleh leka dengan pencapaian kita semasa.

6. Disini, ingin saya menzahirkan ucapan terima kasih diatas penat-lelah dan usaha para penjawat awam yang menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat dan negara kita selama ini. Sesungguhnya, dugaan demi dugaan yang dihadapi oleh negara secara umum dan rakyat termasuklah kita sebagai penjawat awam khususnya, samada secara langsung atau tidak langsung, seharusnya dijadikan iktibar dan peringatan kepada diri kita sendiri, bahawa segala kejayaan dan kesejahteraan yang dinikmati oleh kita, tidak boleh diambil secara ringan atau mudah, bak ungkapan Inggeris, *"we shall not take things for granted"*.

7. Segala usaha kita, dalam memastikan kehidupan yang lebih baik untuk semua, mungkin akan lenyap atau terjejas hanya kerana suatu musibah, masalah atau kejadian yang berada di luar kawalan kita.

8. Disebalik cabaran yang dihadapi, negara kita masih mampu dan diyakini masyarakat antarabangsa dalam memikul tanggungjawab di persada dunia. Malaysia telah diberi kepercayaan sebagai Pengerusi ASEAN bagi tahun 2015 dengan melakar kejayaan dalam penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN ke-26 dan ke-27 dan juga Sidang-sidang Lain Yang Berkaitan di Kuala Lumpur dan Langkawi.

9. Kita juga menduduki kerusi ahli tidak tetap United Nations Security Council bagi penggal 2015-2016 dan menduduki kerusi Lembaga Eksekutif UNESCO bagi penggal 2015-2019.

10. Pada hujung tahun lepas, Malaysia bersama-sama negara lain dunia berjaya membawa Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mengecam penempatan Israel di Palestin.

11. Pada tahun lepas, kita telah menganjurkan International Conference on Blue Ocean Strategy yang menonjolkan kejayaan kerajaan Malaysia melaksanakan pelbagai inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS berkos rendah, yang berimpak tinggi untuk rakyat. Persidangan ini yang julung diadakan telah dihadiri oleh beberapa Ketua Negara dan Ketua Kerajaan serta para Menteri dan pegawai kanan kerajaan negara-negara luar.

12. Dalam konteks perkhidmatan awam, kita telah mencatat sejarah apabila Malaysia telah diberikan kepercayaan sekali lagi oleh negara-negara Komanwel untuk menerajui bagi penggal kedua, Commonwealth Association of Public Administration and Management (CAPAM) untuk tempoh 2017-2018. Di peringkat ASEAN pula, Perkhidmatan Awam Malaysia telah melakar sejarah dengan menganjurkan buat julung kalinya Pemukiman Ketua-ketua Perkhidmatan Awam ASEAN, Persidangan Inovasi Perkhidmatan Awam ASEAN dan Sukan Perkhidmatan Away ASEAN. Salah satu hasil utama penganjuran yang dapat kita banggakan ialah pemeteraian deklarasi bersama yang dikenali sebagai *Putrajaya Joint Declaration on ASEAN Post-2015 Priorities Towards an ASEAN Citizen-Centric Civil Service.*

13. Daripada segi pembangunan prasarana, Fasa 1 jajaran Sungai Buloh-Kajang MRT yang telah berjaya disiapkan dan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada Disember tahun lepas merupakan satu kejayaan yang seharusnya dibanggakan. Ia merupakan projek berimpak tinggi untuk kemudahan rakyat, yang berjaya dilaksanakan mengikut tempoh masa dan bajet yang ditetapkan.

14. Kemajuan dan kejayaan ini tidak akan dikecapi negara tanpa usaha padu penjawat awam dalam melakari agenda transformasi negara. Dalam erti kata lain, ia merupakan berkat usaha yang gigih dan komitmen kita sebagai tunjang kepada pembangunan negara. Namun begitu, sekiranya penjawat awam tidak dapat meneruskan momentum ini, kita berhadapan dengan risiko yang mana segala yang dikecapi tidak dapat dikekalkan.

15. Kita sebagai penjawat awam, merupakan satu golongan yang bertuah. Jikalau rakan-rakan kita yang berkhidmat di sesetengah sektor swasta berhadapan dengan risiko kehilangan pekerjaan mereka, kita di sektor awam pula, boleh bernafas lega kerana masih mempunyai sumber pendapatan. Saban tahun, jumlah permohonan yang diterima oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) daripada orang awam untuk memasuki perkhidmatan awam semakin meningkat. Pada tahun 2015, 1.62 juta permohonan telah dikemukakan dimana hanya 24,606 lantikan dibuat, iaitu hanya 1.5 peratus daripada jumlah permohonan diterima. Untuk tahun 2016 pula, 1.56 juta permohonan diterima dimana 25,046 lantikan dibuat atau 1.6 peratus sahaja.

#### PENAMBAHBAIKAN SKIM PERKHIDMATAN AWAM

Saudara saudari sekalian,

16. Pembentangan Bajet 2017 oleh YAB Perdana Menteri mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap keseimbangan pertumbuhan ekonomi negara demi kesejahteraan rakyat yang merangkumi penjawat awam.

17. Disebalik usaha Kerajaan memastikan kadar defisit fiskal berada pada tahap yang ditetapkan, beberapa penambahbaikan serta insentif kepada penjawat awam telah diumumkan:

- a) peningkatan had kelayakan minimum pinjaman perumahan kerajaan kepada RM200,000 dan had kelayakan maksimum kepada RM750,000;
- b) had pinjaman pembelian motorsikal yang dinaikkan daripada RM5,000 ke RM10,000;
- c) pelanjutan tempoh pegawai Contract of Service dan Contract for Service selama sekurang-kurangnya setahun;

- d) pemberian Cuti Belajar Bergaji Penuh kepada Kumpulan Pelaksana; dan
- e) pemberian Cuti Kuarantin Tanpa Rekod selama 5 hari;
- f) kemudahan pembelian Smartphone dengan had pinjaman sehingga RM5,000 bagi setiap 3 tahun;
- g) pelantikan secara kontrak Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi warganegara Malaysia untuk mengurangkan tempoh menunggu bagi graduan menjalani latihan siswazah dan khidmat wajib; serta
- h) pemberian Bantuan Khas Kerajaan sebanyak RM500 bagi penjawat awam dan sebanyak RM250 bagi pesara.

18. Insyallah, saya ingin menegaskan disini bahawa disebalik keadaan ekonomi global yang mencabar, Kerajaan akan berusaha membawa penambahbaikan dan insentif yang telah diumumkan.

19. Kita patut bersyukur diatas apa yang ada pada kita pada hari ini. Daripada tahun 2012 hingga ke tahun semasa, Kerajaan telah meluluskan pelbagai insentif dan penambahbaikan kepada perkhidmatan awam.

20. Walaupun terdapat perkara yang masih boleh ditambahbaik, secara keseluruhannya, faedah-faedah skim perkhidmatan awam masih baik. Ramai diantara mereka di luar yang menginginkan pekerjaan dengan sektor awam tetapi tidak berpeluang. Oleh yang demikian, saya ingin menyeru setiap daripada kita, untuk memberikan perkhidmatan terbaik sepanjang menjalankan tugas agar peluang yang diperolehi ini tidak disia-siakan. Saya juga berharap, janganlah ada diantara kita yang tidak bersyukur, malah menanggung di air keruh, melemparkan kritikan bersama-sama dengan mereka yang tidak bertanggungjawab, bahawa Kerajaan tidak prihatin dan tidak menjaga kebajikan penjawat awam.

Saudara saudari sekalian,

21. Tahun 2016 merupakan permulaan Rancangan Malaysia ke-11. Penjawat awam merupakan nadi kepada kejayaan RMK ke-11 kerana dasar-dasar Kerajaan hanya dapat memberikan impak kepada rakyat sekiranya ia dilaksanakan dengan jayanya oleh penjawat awam.

22. Janganlah kita sering bertanya apakah faedah atau ganjaran Kerajaan kepada kita. Sebaliknya, bertanyalah kepada diri kita, apakah sumbangan kita kepada nusa dan bangsa serta negara tercinta kita.

23. Oleh yang demikian, Perkhidmatan Awam perlu sentiasa berevolusi. *We need to constantly be creative and innovative*, sentiasa mencari ruang penambahbaikan, dari semasa ke semasa demi kesejahteraan rakyat dan Negara. Terdapat pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan, sebagai contoh, melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), dan kini gagasan Transformasi Nasional 2050 atau TN50 yang telah diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Oktober tahun lalu. Inisiatif-inisiatif TN50 yang akan diperkenalkan nanti akan mengubah landskap pemikiran politik, ekonomi dan sosial Malaysia ke arah membentuk negara bangsa berwibawa serta berminda 'par excellence'.

24. Penambahbaikan skim-skim perkhidmatan awam oleh pihak Kerajaan perlu digandingkan dengan peningkatan produktiviti. Berdasarkan kepada teori ekonomi, peningkatan emolumen tanpa diiringi dengan pertambahan produktiviti akan menyumbang kepada peningkatan inflasi.

25. Tambahan pula, kita ingin mengelakkan persepsi oleh rakyat terhadap penjawat awam yang hanya mendapat faedah penambahbaikan perkhidmatan awam tetapi tahap produktiviti berada di takuk lama.

26. Penjawat awam perlu lebih fokus kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih jitu untuk rakyat. *We have to deliver, deliver, deliver!*

## PENDEKATAN 'SEARCH & SERVE' DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

27. Penjawat awam mempunyai peranan memastikan penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat di tahap terbaik. Dalam aspek ini, suka saya mencadangkan kaedah 'search and serve' atau 'jejak dan berkhidmat', iaitu daripada kita mendekati rakyat dengan tujuan menyampaikan perkhidmatan kepada mereka. Perkhidmatan awam perlu disampaikan secara cepat dan tepat bagi mengelakkan kerugian masa dan kos kepada rakyat.

28. Secara umumnya, berdasarkan kepada pengamatan dan maklumbalas yang diterima oleh saya, rakyat masih menaruh keyakinan dan harapan terhadap sektor perkhidmatan awam negara. Namun demikian, masih wujud segelintir golongan dalam sektor perkhidmatan awam yang mencemarkan dan menjejaskan imej perkhidmatan awam. Bak kata pepatah, “Nila setitik, rosak susu sebelanga”. Golongan kecil ini, yang diberikan nama jolokan ‘Little Napoleon’, memberikan tanggapan negatif kepada rakyat.

29. Mereka inilah yang sering bekerja secara sambil lewa dan secara 'silo', menjadi penghalang kepada pelaksanaan dasar Kerajaan secara berkesan, merugikan wang dan masa Kerajaan dan rakyat. Kepada mereka yang berada dalam golongan ini, tindakan tegas akan diambil terhadap mereka termasuklah mengenakan Dasar Pemisah atau 'Exit Policy'.

## AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI PENJAWAT AWAM

30. Pada tahun lepas dan awal tahun ini, kita telah dikejutkan dengan beberapa laporan siasatan oleh SPRM terhadap penjawat awam yang dikatakan menyalahgunakan kuasa dan terlibat dengan penyelewengan. Insiden-insiden ini telah mencalarkan imej perkhidmatan awam. Masyarakat umum berpandangan bahawa sektor perkhidmatan awam dibelenggu dengan gejala pegawai yang tidak berintegriti. Saya ingin menegaskan bahawa sebagai Ketua Setiausaha Negara, saya masih menaruh keyakinan terhadap para penjawat awam dalam menjalankan tugas dengan amanah dan bertanggungjawab.

**31. Dalam konteks ini, janganlah biar nila setitik merosakkan susu sebelanga. Kita seharusnya membuktikan kepada rakyat bahawa sektor perkhidmatan awam masih berintegriti tinggi.**

**32. Kerajaan telah bersetuju dengan beberapa langkah dilaksanakan untuk mengelakkan atau mengurangkan risiko berlakunya penyelewengan. Jabatan Audit Negara dan SPRM akan terlibat sama dalam penilaian projek bernilai RM500 juta ke atas. Fungsi dan peranan Unit Audit Dalam setiap kementerian akan diperkukuhkan. Sesi Townhall Ketua Setiausaha Negara Bersama Media Mengenai Laporan Ketua Audit Negara bertujuan menjelaskan kepada orang awam mengenai tindakan yang diambil ke atas teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Jabatan Ketua Audit Negara, akan diteruskan. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap pegawai dan anggota pelaksana yang tidak mematuhi prosedur dan sistem kewangan yang ditetapkan.**

#### PENJAWAT AWAM PERLU CELIK MEDIA SOSIAL DAN ELAK MENCEMARKAN IMEJ PERKHIDMATAN AWAM

**33. Saya percaya ramai diantara kita mempunyai akaun serta aktif dalam penggunaan Twitter, Facebook, Instagram dan sebagainya. Saya juga telah meminta semua KSU dan Ketua Jabatan untuk mewujudkan akaun Twitter dan Facebook masing-masing sebagai saluran untuk mendapatkan maklumat serta pandangan daripada orang ramai khususnya penjawat awam.**

**34. Dalam kita aktif menggunakan media sosial, tahap kecelikan media sosial atau disebut sebagai *social media literacy* adalah penting. Apakah maksud *social media literacy*? Ia membawa erti, pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam mengintepretasikan maklumat yang diterima melalui media sosial untuk membezakan yang mana sahah dan yang mana fitnah, tohmahan atau rekaan semata-mata.**

**35. Para penjawat awam dinasihatkan untuk mengesahkan dahulu maklumat yang diterima di media sosial. Yang paling penting sekali adalah jangan terlibat dalam menyebarkan sesuatu atau memberikan komen-komen yang boleh ditafsirkan mengikut Perintah Am (General Orders) sebagai mencemarkan imej perkhidmatan awam, atau yang melanggar peruntukan undang-undang seperti dibawah Akta Rahsia Rasmi (OSA). Nasihat saya ini terpakai untuk pegawai yang sedang berkhidmat, atau yang sudah bersara.**

#### PERUMAHAN PENJAWAT AWAM 1MALAYSIA

**36. Selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat, sukacita saya menyatakan bahawa Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia, kini berjalan dengan lancarnya. Sehingga penghujung tahun 2016, 125,340 unit telah diluluskan, dimana 25,042 sedang dalam pembinaan di seluruh negara. Untuk kawasan Kuala Lumpur dan Putrajaya sahaja, 15,172 unit sedang dibina. Untuk tahun 2018, 200,000 unit disasarkan untuk kelulusan.**

**37. Oleh yang demikian, saya menjangkakan lebih daripada 100,000 penjawat awam akan dapat memiliki rumah sendiri dalam tempoh dua tahun ini.**

#### PENUTUP

**Saudara saudari sekalian.**

**38. Akhir kata, marilah kita sama-sama berganding bahu dan menyokong Kerajaan dalam mempertingkatkan produktiviti, penyampaian perkhidmatan yang lebih jitu untuk rakyat dan mengukuhkan imej sektor awam sebagai sektor utama dalam memacu pembangunan negara. Semoga kerja kita secara ikhlas, akan mendapat keberkatan Ilahi dan dapat memberikan kesejahteraan kepada keluarga kita, bangsa dan rakyat Malaysia secara keseluruhan.**

**Sekian,**

***Wabillahi taufiq wal hidayah,  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.***

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://ksn.jpm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2105>